

Keterbukaan dibenci Pak Lah

Suara sumbang, pembohongan disebar atas nama kebebasan bersuara

BH - 21/1/2007



SUDAH kerap Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi merungut mengenai kesuntukan masa untuk melakukan serba-serbi hinggalah segala-galanya seolah-olah harus dilakukannya dalam keadaan terkejar-kejar.

Sambil satu acara atau temu janji selesai, akan ada beberapa lagi yang menunggu. Sesetengahnya mengambil masa lebih lama daripada diperuntukkan-nya, namun Perdana Menteri jarang mahu menghampakan di sebalik keresahan pegawainya dalam memastikan ketepatan waktu ditepati.

Sepuluh harinya turut semalam dipenuhi sambutan Maal Hijrah di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), disusuli Majlis Penyerahan Tabung Anak Yatim Parlimen Titiwangsa dan Program Majlis Berkembar di Masjid Jamek Kampung Baru, Kuala Lumpur.

Dijadualkan berlepas ke London menjelang tengah malam tadi, Abdullah masih merungut waktunya untuk mengemas pakaian akan terlalu suntuk kerana masih ada satu temu janji dan satu majlis tahlil di Seri Perdana yang sudah diatur.

Di sebalik semua itu pun, beliau masih meluangkan sedikit masa untuk sembang-sembang - sesuatu yang diakuinya jarang dapat dilakukannya sejak bergelar Perdana Menteri kerana kepadatan jadual harian yang tidak pun membezakan di antara hari bekerja dengan cuti umum.

"Bila dah separuh jalan macam ni, tak kan nak pandang ke belakang lagi," katanya memulakan bicara. "Kenalah jalan terus dan sesekali kena juga pandang belakang, itupun kerana nak tentukan haluan."

Sepuluh jalan, seperti dibualkan Perdana Menteri, bermaksud kepada tempohnya mengetuai kerajaan sejak 31 Oktober 2003 yang pada 4 Januari lalu turut dibincangkan pada seminar kebangsaan bertemakan "Abdullah Ahmad Badawi Tiga Tahun Di Putrajaya: Menjejak Pencapaian dan Strategi Masa Depan Negara".

Seminar anjuran bersama Universiti Sains Malaysia (USM), Yayasan Strategik Sosial (YSS) dan Institut Strategi dan Kepimpinan Asia (Asli) itu antara lain merumuskan Abdullah mempunyai strategi cemerlang, tetapi kelemahan sistem penyampaian menghalang rakyat dan negara meraih manfaat penuh daripada kepemimpinannya.

Ada pandangan yang dibangkitkan pada seminar itu yang dipersetujui beliau sebagai maklum balas berguna, di samping sebilangan lain yang dianggapnya disalahertikan sesetengah mereka, termasuk kononnya ada dasar kerajaan yang tidak diperjelaskan kepada agensi pelaksana.

"Nak jelaskan banyak mana lagi," soal Perdana Menteri. "Bukannya mereka tak jelas tapi ada kekangan lain termasuk dari segi undang-undang dan peraturan yang perlu dipinda dan dipermudahkan supaya ia tidak menjadi halangan birokrasi yang membantutkan pelaksanaan sesuatu perancangan."

Abdullah, jika diukur daripada dua analisis berlawanan, akan memberikan dua gambaran amat bercanggah juga.

Dari satu pihak, beliau digambarkan sebagai pemimpin yang menggalakkan konsensus dalam merumuskan sesuatu keputusan manakala dari pihak berbeza, Perdana Menteri dicerminkan selaku seorang yang tidak boleh menerima teguran atau kritikan.

Malah, sesetengahnya bukan sekadar kritikan, sebaliknya lebih kepada mencaci-cerca dan memaki-hamun, yang harus pada pandangan Abdullah, lebih mencerminkan keperibadian mereka yang berbuat demikian.

"Saya tidak pernah tidak membenarkan diri saya untuk mendengar apa saja pandangan atau maklum balas. Dari situ, saya akan memutuskan apa yang saya mahu terus lakukan dan perlu lakukan."

"Di samping itu, saya juga sedar ada yang hanya berniat untuk memperlecehkan saya. Pada mereka, ada saja yang nampak sikit macam tak elok, mereka nak perbesar-besarkan. *They just want to rubbish me,*" katanya.

Dalam memperkatakan perkara itu, Pak Lah jauh daripada menggambarkan rasa tertekan. Selain sesekali membetulkan kedudukan songkok di kepalanya, beliau masih boleh mentertawakan pandangan sedemikian.

"Fiksyen... dan pembohongan," katanya.

Perdana Menteri mengakui sudah banyak mendengarnya, baik daripada pegawainya sendiri mahupun daripada kenalan. Harus juga tidak banyak yang disembunyikan daripada pengetahuannya kerana beliau dapat membezakan antara mereka yang menggunakan nama sebenar dan nama samaran.

Namun, kecuali segelintir tuduhan atau apa yang dikatakannya sebagai cerita rekaan yang menarik perhatiannya untuk diselidiki punca atau sumber pembohongan mereka, selebihnya diketepikannya tidak wajar diberi tumpuan.

"Dalam politik, perkara seperti ini harus dijangkakan berlaku. Tak ada 'politician' yang akan disukai oleh semua, (sebaliknya) akan ada orang yang tak suka. Pada dia, semuanya tak betul, semuanya tak baik."

"Kalau saya membenarkan diri saya diganggu sepanjang masa oleh perkara seperti ini, saya tak akan dapat buat

kerja. Itulah sebenarnya yang mereka mahu lakukan... supaya saya tak dapat tumpukan pada kerja saya," hujahnya.

Dalam pada itu, Perdana Menteri juga dapat menghidu wujud semacam keyakinan palsu yang melingkari sesetengah mereka, terutama untuk menggunakan internet dan khidmat pesanan ringkas (SMS) sebagai medium untuk menyebarkan apa yang mereka mahukan orang ramai percaya.

"Nampak dia orang ni dah ghairah dengan SMS dan internet. Sebabnya mereka rasa mereka bebas, mereka tak boleh diganggu dan mereka boleh kata sesuka hati mereka. Jadi, ini adalah satu rasa kebebasan yang membuat mereka jadi begitu," katanya.

Kepada Abdullah, ia lebih kepada satu budaya ikut-ikutan. Apabila segelintir memulakannya dan ia dilihat pula sebagai membayangkan keberanian untuk berkata apa saja, akan ada segelintir lain yang mahu tergolong sebagai berani juga.

Mereka melihat kepada sesuatu langkah atau pengumuman hanya dari sudut pandangan mereka tanpa mahu memahami pandangan orang lain. Apa saja pandangan balas atau penjelasan, akan segera pula ditempelak sebagai tidak berepatan.

"Mereka akan ambil kesempatan untuk mencipta bermacam-macam cerita. Mereka tidak akan teragak-agak untuk melakukan pembohongan demi pembohongan yang mereka harapkan apabila tersebar, akan dipercayai sebagai sesuatu yang benar."

"Pendekatan mereka ini mudah dibaca. Mereka akan hentam, kemudian cuba mengagak-agak apa yang akan diperjelaskan, dan mereka akan hentam lagi. Kononnya, apabila mereka buat macam itu, kita tak jadi nak buat apa yang kita nak buat. Dan mereka akan terus menjadikannya satu isu supaya kita tak boleh nak buat."

"Ini bukanlah satu budaya yang baik. (Kerana) mereka memulakan satu permainan politik yang boleh jadi akan berkekalan lama tetapi mereka ini juga akan menerima bahana seperti itu apa yang mereka lakukan sekarang."

"Ini tindakan orang yang bacul sebenarnya," kata Abdullah.

“Bila dah separuh jalan macam ni, tak kan nak pandang ke belakang lagi. Kenalah jalan terus dan sesekali kena juga pandang belakang, itupun kerana nak tentukan haluan”

“Saya tidak pernah tidak membenarkan diri saya untuk mendengar apa saja pandangan atau maklum balas. Dari situ, saya akan memutuskan apa yang saya mahu terus lakukan dan perlu lakukan”

“Saya juga sedar ada yang hanya berniat untuk memperlecehkan saya. Pada mereka, ada saja yang nampak sikit macam tak elok, mereka nak perbesar-besarkan. *They just want to rubbish me*”

“Mereka akan ambil kesempatan untuk mencipta bermacam-macam cerita. Mereka tidak akan teragak-agak untuk melakukan pembohongan demi pembohongan yang mereka harapkan apabila tersebar, akan dipercayai sebagai sesuatu yang benar”